

Bil. 32

Selasa  
3 September 2019



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

Mengenai:

**Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan  
Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP)**

**Kementerian Pengangkutan:**

- (i) YBhg Datuk Seri Wee Jeck Seng,  
Mantan Ahli Parlimen Tanjong Piai

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
SELASA, 3 SEPTEMBER 2019**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad - *Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Chen [Subang]  
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]  
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]  
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]  
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]  
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]  
YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Mazidah binti Mohamed [Ketua Penolong Setiausaha (Jurubahasa dan Terjemahan) Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Encik Mohd Marzuni bin Muhamad [Pengarah Audit Prestasi Bahagian III]  
Cik Maszura binti Hassan [Timbalan Pengarah Audit Cawangan Audit Pengangkutan]  
Encik Noor Sazali bin Mohd Zahari [Penolong Juruaudit W36 Cawangan Audit Pengangkutan]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Kementerian Kewangan**

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Parlimen, Kabinet & Kawalan Pemantauan) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan)]

Encik Tajol Azhar bin Md. Tahir [Timbalan Setiausaha Bahagian (Sektor Wang Awam), Bahagian Pengurusan Aset Awam, Kementerian Kewangan]

**Jabatan Peguam Negara**

YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]

Cik Nurul Hidayah binti Md Radzi [Peguam Persekutuan]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

YBhg. Dato' Shamsun Baharin bin Mohd Jamil [Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan

Ketua Pegawai Maklumat (CIO)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara & Operasi Khas)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Zuriyanti binti Abdul Hamid [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat & Agensi)]

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

Puan Maniza binti Mahfuz [KPP Pengangkutan Awam & Keretapi II (PAK II)]

**SAKSI**

Datuk Seri Wee Jeck Seng [Mantan Ahli Parlimen Tanjong Piai]



---

**LAPORAN PROSIDING**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA**

**Selasa, 3 September 2019**

**Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

*[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Tuan Pengerusi:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* 2.30 petang, boleh *start* ya sekarang. Semua boleh *start* dan kita pun cukup kuorum. So, selamat petang semua, salam sejahtera. Juga sekali lagi saya hendak mengucapkan selamat kembali ke mesyuarat dan terima kasih banyak terus hadir pada petang ini. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli mesyuarat sekalian petang ini, PAC Parlimen akan meneruskan prosiding projek Sistem Kutipan Caj Jalan dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing di bawah Kementerian Pengangkutan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 2.

Untuk makluman semua, prosiding kali pertama untuk isu ini telah diadakan pada 20 Februari 2019 dengan memanggil Yang Berbahagia Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman yang juga merupakan Ketua Setiausaha MOT. Kemudiannya PAC Parlimen juga telah mendengar penjelasan dan keterangan daripada Yang Berbahagia Dato' Sri Liow Tiong Lai selaku mantan Menteri Pengangkutan dan prosiding ataupun keterangan itu dilakukan pada 27 Mac 2019.

Seterusnya prosiding ketiga adalah oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ismail Haji Bakar. Datuk Seri Dr. Ismail Haji Bakar ini adalah Ketua Setiausaha Negara sekarang tetapi dia pernah menjawat jawatan Ketua Setiausaha MOT. Prosiding itu dilakukan pada 3 April 2019. Jadi ini kira prosiding yang keempat yang membabitkan projek Sistem Kutipan Caj Jalan dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing. Saksi yang hadir selepas ini, petang ini adalah Yang Berbahagia Datuk Seri Wee Jeck Seng yang juga merupakan mantan Ahli Parlimen Tanjong Piai.

Jawatankuasa ini membuat keputusan untuk memanggil beliau bagi prosiding petang ini kerana beliau adalah salah seorang daripada pemegang saham syarikat TCSens Sdn. Bhd. yang menerima kontrak ini daripada MOT yang bernilai kira-kira RM150 juta berdasarkan rekod



daripada SSM. Jadinya sehubungan itu, PAC Parlimen perlu meneliti sama ada terdapat wujudnya konflik kepentingan ketika Datuk Seri Wee menjadi pemegang saham syarikat tersebut dan semasa dia menjadi Ahli Parlimen Tanjong Piai. Jadi kita akan memanggil Datuk Seri Wee sebentar lagi untuk menjadi saksi kita untuk memberikan penjelasan kepada jawatankuasa ini. *[Disampuk]* Dia seorang.

*[Saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Okey terima kasih Datuk Seri Wee hadir pada petang ini. hadir di hadapan PAC pada petang ini adalah Datuk Seri Wee Jeck Seng yang juga merupakan mantan Ahli Parlimen Tanjong Piai dan juga mantan Ahli PAC Parlimen, Penggal Ke-13. Jadi terima kasih kerana hadir dan memberikan kerjasama kepada PAC Parlimen, Penggal Ke-14.

Untuk makluman Yang Berbahagia Datuk Seri, PAC Parlimen kini sedang melaksanakan prosiding berhubung Projek Sistem Kutipan Caj Jalan dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017, Siri 2. Setakat ini PAC Parlimen sudah mengadakan tiga kali prosiding yang membabitkan tajuk ini iaitu kita telah memanggil KSU MOT pada 20 Februari 2019, kemudian kita panggil juga mantan Menteri Pengangkutan pada 27 Mac 2019 dan juga mantan KSU MOT yang juga sekarang ialah KSN pada 3 April 2019.

Sebelum saya memberi laluan kepada Ahli-ahli PAC untuk bertanyakan soalan, izinkan saya memberikan sedikit latar belakang mengenai projek ini. Projek Sistem RC dan VEP ini dilaksanakan secara rundingan terus dengan membabitkan dua kontrak berasingan untuk capex iaitu berjumlah RM45.15 juta dan opex berjumlah RM104.30 juta.

Kerajaan pada ketika itu menganugerahkan projek ini kepada syarikat TCSens dan kontrak capex ditandatangani pada 14 September 2016. Manakala kontrak opex pula ditandatangani pada 7 Mei 2018. Carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia mendapati Yang Berbahagia Datuk Seri adalah salah seorang daripada pemegang saham dalam syarikat TCSens. Sehubungan dengan itu, saya menjemput Yang Berbahagia Datuk untuk memberikan penjelasan dan kemudian kita akan mengadakan sesi soal jawab. Jadinya dipersilakan Yang Berbahagia Datuk Seri.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng [Mantan Ahli Parlimen Tanjong Piai]:** Terima kasih, selamat petang Tuan Pengerusi, Ahli-ahli PAC. Terima kasih bagi peluang kepada saya menjelaskan isu ini. Untuk makluman Ahli-ahli PAC, saya tidak ada *business* dalam kes ini, saya

tidak ambil bahagian dalam perniagaan ini. Jadi pada peringkat awal ini, saya sudah lama kenal bos syarikat ini.

**Tuan Pengerusi:** Mungkin boleh sebutkan sekali siapa nama bos itu.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Kenneth Tan. Jadi kita selalu berjumpa dan memang pernah berbincang kalau ada peluang *business*. Setahu saya, saya sebagai *backbencher* boleh menjalankan aktiviti *business* dan anggota pentadbir sahaja tidak boleh melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan. Jadi, pada ketika itu saya masih ingat beliau menjemput saya, jadi saya mengambil bahagian dalam perniagaan secara *sleeping shareholder* sahaja.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Maaf Datuk Seri, boleh beritahu bila Datuk Seri dijemput untuk memegang...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Sudah lama, tidakkan saya sampai semua hendak *detail* sangat. Saya pun tidak boleh ingat semua itu.

**Puan Wong Shu Qi:** Bila tahun agak-agaknya?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tahun 2014 kalau tidak silap saya.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi semasa Datuk Seri mungkin selepas perbincangan, selepas berjumpa mungkin selepas itu bersetuju untuk mengambil bahagian ataupun *you said as a sleeping...*

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *Shareholder*.

**Tuan Pengerusi:** ...*Share*, Yang Berbahagia maklum kah yang syarikat ini ada memohon satu projek daripada kementerian.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Syarikat ini pernah memaklumkan kepada saya. Syarikat ini bukan sahaja *fight* projek dalam kerajaan tetapi banyak lagi projek-projek di luar juga perlu untuk syarikat. Ini salah satu beliau pernah beritahu saya, syarikat mungkin akan mengambil projek kerajaan, tetapi kena *fight*. Maka, bagi saya *you fight*-lah sebab itu urusan syarikat, bukan saya. Saya *shareholder*. Jadi terpulang kepada syarikat untuk *fight* dan *fight* itu mesti mengikut *proper prosedur daripada* kerajaan. Bukan cakap pergi ambil projek, kerajaan bagi sahaja. Tidak ada. Proses itu kena ada, penilaian kena ada.

Saya tidak tahu pun, sebab selama ini walaupun saya dalam kerajaan sebagai Ahli Parlimen, saya tidak tahu ada projek-projek *direct nego*, projek untuk *tender* tetapi saya tidak pernah tahu apa kaedah sebenarnya, apa akan berlaku, sebab saya tidak pernah ambil bahagian pun. Saya tidak tahu dalam urusan ini. Jadi saya mintalah, kalau nak *fight* projek kerajaan itu hak syarikat. Dia boleh ambil tindakan, dia boleh pergi *fight*...

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Datuk Seri...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** ...Tetapi ada dapat atau tidak dapat, saya tidak tahu.



**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Berapa banyak syer yang di-offer sebagai *sleeping partner*?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** 25 peratus.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** 25 peratus, *thank you*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Jadi itu yang saya boleh maklumkan bahawa saya *shareholder* dan saya tidak pernah campur dalam urusan dalam mesyuarat ataupun keputusan syarikat dalam mengambil bahagian dalam apa sekalipun baik kerajaan, baik di luar.

■1440

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, *the directors* ataupun mungkin ketua pegawai eksekutif atau CEO MD, tidak pernah memaklumkan yang mereka ada memohon...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Dia beritahu— Saya sudah beritahu, dia maklumkan dia akan...

**Tuan Pengerusi:** Spesifik untuk projek ini.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Dia cakap kerajaan, projek kerajaan.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi dia maklumkan kah atau tidak mengenai projek ini?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Dia cakap JPJ. *I think so*.

**Tuan Pengerusi:** Oh JPJ. JPJ itu JPJ lah, bawah Kementerian Pengangkutan?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Ya *by government* lah. *I think it does not matter baik JPJ, baik kesihatan baik apa sekalipun, itu dalam kerajaanlah. So you boleh mintalah.*

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Okey Datuk Seri, *two questions from me ya*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *Please* dalam Bahasa Malaysia lah. Kita *communicate* dalam bahasa ini.

**Tuan Wong Kah Woh:** Ya, so nombor satu. TCSens Sdn. Bhd. ini, bila kah ia memulakan perniagaan dia? Nombor dua, *what is the*— Apa kata, apakah jenis perniagaan yang terlibat dalam TCSens ini sebelum Datuk Seri menyertai syarikat?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya tidak pernah tanya dia bila mulakan, okey. Saya tidak pernah tanya *because* dia sudah ada syarikat-syarikatnya. *Because we are friends*, dia *talk* ada syarikat-syarikatnya. Saya tidak pernah ambil penting pun. Mengapa saya hendak tahu bila dia mulakan, saya tidak pernah tanya, satu. Kedua, apa yang...

**Tuan Wong Kah Woh:** Apakah jenis perniagaan?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** IT, dia cakap IT, IT.

**Tuan Wong Kah Woh:** IT, syarikat IT.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Syarikat IT. Dia *expert* dalam sistem lah dan pelbagai. Dia cakap pelbagai. Syarikat dia boleh buat kajian pelbagai tetapi IT itu yang dia tekankan.



**Tuan Wong Chen [Subang]:** Datuk Seri, okey tadi Datuk Seri kata ada bos. Betul atau tidak? Bos itu nama dia apa sebenarnya?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Siapa bos?

**Tuan Wong Chen:** *Your boss.*

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *My boss, which is my boss? Mana satu?*

**Tuan Pengerusi:** *The one that you mentioned, bos TCSens itu.*

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Oh yang TCSens itu, yang Kenneth Tan.

**Tuan Pengerusi:** Kenneth.

**Tuan Wong Chen:** Kenneth Tan. Bagaimana Datuk Seri kenal Kenneth Tan?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Oh lama sudah. Sejak muda lagi 10 tahun, 20 tahun dulu saya sudah semasa di Kementerian Belia dan Sukan, saya kenal dia sudah lama dah.

**Tuan Wong Chen:** Dia itu peniaga atau ahli politik?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Siapa?

**Tuan Wong Chen:** Kenneth Tan.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Peniaga. Setahu saya, dia tidak ada politik. Dia tidak ada *background* pun.

**Tuan Wong Chen:** Baik Datuk Seri, bila Datuk Seri kata Datuk Seri adalah satu *sleeping shareholder*. Apakah daripada pandangan Datuk Seri, maknanya *share* ini pegang untuk dia, untuk Kenneth Tan ataupun memang Datuk Seri punya?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya punya. Saya bagi *share* RM25,000 daripada *paid up capital* RM100,000 pada ketika itu masa dia...

**Tuan Wong Chen:** Jadi, Datuk Seri *invest* RM25,000 lah untuk beli syarikat ini?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Ya, ya. Untuk *shareholder* sahaja. *That's all.*

**Tuan Pengerusi:** Boleh atau tidak jelaskan... *[Disampuk]* Okey, okey.

**Tuan Wong Kah Woh:** *Sorry, sorry.* Maksudnya, sekiranya Datuk Seri guna RM25,000 untuk beli *25 percent of the share*, harga syarikat itu pada masa itu RM100,000 sahaja?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *Paid up capital* kalau tidak silap saya.

**Tuan Wong Kah Woh:** *Paid up* tetapi *paid up*— *Yes, there is paid up* tetapi sekiranya syarikat itu soalan yang saya tanya tadi adalah apakah jenis perniagaan. Sekiranya syarikat itu ada dalam satu aktif perniagaan, *it cannot be RM25,000 for 25 percent of the shares. That is what I mean.*

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya sudah jelaskan bahawa saya tidak tahu apa sekalipun. Masa dia tawar, dia kata 25 peratus. Jadi kena bayar RM25,000. Pada ketika itu, saya lagi banyak urusan di dalam kerajaan masa jadi Ahli Parlimen. Balik kawasan sini sana. Saya tidak ambil tahu

pun sebab inilah yang sebenarnya berlaku. Kawan, kita percaya kepada kawan. *That's all*. Saya tidak tahu *business*. *That is why you* kata apalah itulah, saya tidak faham. Saya tahu, saya percaya, dia bagi saya, saya bagi 25 peratus *and then* kalau dapat *insya-Allah*, kita dapat untung. Itu sahaja.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Datuk Seri, sini okey. Datuk Seri kata syarikat ini ialah syarikat IT, teknologi maklumat.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Ya, ya.

**Tuan Wong Hon Wai:** Adakah Datuk Seri mempunyai apa-apa kepakaran di dalam bidang IT?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada. Bukan kah saya sudah cakap, saya tidak tahu *business*, saya ahli politik. Saya hanya sebab dia adalah kawan dan saya minta kalau ada peluang *business*, kita ambil bahagian dalam *shareholder* sahaja, bukan saya mainkan peranan untuk jalankan perniagaan. Tidak ada.

**Tuan Wong Hon Wai:** Datuk Seri, apabila menjadi *shareholder*, ada dokumen-dokumen yang perlu Datuk Seri untuk *sign*?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada, tidak pernah.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi *shareholder* kalau seingat saya...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *Shareholder* lah, saya masuk *shareholder* itu. Lain-lain saya tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Okey Datuk Seri, kita bila buat *search* SSM, dia *shareholder* ada empat orang tahu, dia empat orang semasa mula-mulalah semasa Datuk Seri menjadi salah seorang daripada *shareholder*. Adakah Yang Berbahagia Datuk Seri kenal dengan ketiga yang lain? Ketiga yang lain ada satu nama Dato' Roslan, keduanya Kenneth, *you just mentioned you* kenal dia dan yang ketiganya, Datuk Mizal ataupun macam mana?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya hanya kenal Kenneth. Dato' Roslan dia kenalkan sayalah. Satu lagi saya pun tidak tahu siapa.

**Tuan Pengerusi:** Siapa yang kenalkan Dato' Roslan? Kenneth?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Kenneth lah, Kenneth sebab Kenneth yang bawa saya masuk syarikat.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Okey Datuk Seri, bila Datuk Seri ditawarkan untuk memegang saham tersebut, yang pertama hendak tahu kenapa Datuk Seri bersetuju untuk membeli dengan harga RM25,000 itu atas alasan akan ada keuntungan ataupun...



**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Ini *business*, saya tidak boleh kata untung atau tidak untung. *Just* masuk *share*...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Ya, kalau *business* maksudnya orang masuk untuk dapatkan keuntungan.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Itu keinginan kitalah, tetapi bukan semestinya maksudnya orang masuk untuk mendapatkan keuntungan.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Apa yang Datuk, Mr. Kenneth janji ataupun...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada janji, tidak ada janji. *This is a business game*. Kalau *you* masuk, kalau rugi, *you* kena tanggung semualah. Semua sama-sama tanggung, kalau untung, sama-sama untung.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Dari segi manfaat yang Datuk Seri dapat daripada syarikat tersebut?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada. Itu sahaja, *shareholder*.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Dividen ataupun keuntungan?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Dividen, *based on 25* peratuslah. Kalau untung dia kena *based on the shareholder*.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Jadi maksudnya Datuk Seri pernah terima dividen daripada syarikat?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada. Dia beritahu saya, kerajaan hutang, sampai sekarang tidak bayar.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi okeylah lepas tadi tetapi kemudian *along the way*, *you* ada jual. Datuk Seri jual *share* Datuk Seri bukan?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada jual. *I let you know*.

**Tuan Pengerusi:** *What happened?* Sebab kemudian kita tengok...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Lebih kurang dua bulan selepas pilihan raya, dia jumpa saya balik. Dia beritahu saya, kerajaan sekarang tidak bayar bayaran untuk syarikat, hutang banyak. Tidak tahu, saya tidak pernah tanya. So dia minta sekarang, *crisis company* ialah untuk bayar kos *operating*. Gaji kepada pekerja pun ada masalah. Jadi dia minta saya cari dana lagilah. Mana saya mampu. Jikalau begini saya kata, ambillah balik sahaja sebab saya tidak mampu pun. Kalau untuk *case* untuk cari dana tambahan bagi bantu syarikat, saya tidak mampu. So saya bagi balikkah. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Bagi balik kepada Kenneth?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Ya, bagi balik kepada syarikatlah, Kenneth.



**Tuan Pengerusi:** Bagi balik kepada dia dan...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Sebab dia minta saya...

**Tuan Pengerusi:** Bila buat *transfer* itu?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Dua bulan selepas pilihan rayalah.

**Tuan Pengerusi:** Oh, maknanya tahun lepas lah, tahun lepas.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Ya, dua bulan selepas Pilihan raya 2018 lah. Selepas itu dia jumpa saya, dia minta saya cari danalah tetapi saya tidak mampu.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Jadinya memang jual *not*...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *Not* jual.

**Tuan Pengerusi:** *You transfer* baliklah, *transfer* semulalah.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Pulang baliklah *share* kepada syarikat.

**Tuan Pengerusi:** Ada dapat *benefit* daripada itu mungkin dia bagi berapa peratusan?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya sudah kata, syarikat hadapi masalah bayar gaji. Apa lagi dia hendak bagi saya? Saya tidak payah tambah lagi sudahlah, *alhamdulillah*. Apa lagi hendak?

**Tuan Pengerusi:** Okey, maknanya tidak ada apa-apa dapat manfaat daripada syarikat tersebutlah?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Ya tidak ada, semua tidak ada.

**Tuan Wong Kah Woh:** *Not even your RM25,000?*

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada.

**Tuan Wong Kah Woh:** Tidak ada?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Sudah rugi!

**Tuan Wong Kah Woh:** *So* sudah cuma bagi balik *transfer form* kepada Kenneth dan lain sahaja.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Ya, ya. Sebab dia sudah minta saya tambah dana untuk cari dana supaya syarikat itu boleh bayar gaji untuk pekerja. Dia cakap kerajaan hutang dia banyak. *[Disampuk]* Tidak ada, tidak ada. *[Disampuk]* Saya tidak ambil.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Okey Datuk Seri, Datuk Seri sebut tadi Datuk Seri bukan *businessman* dan bukan bidang IT tetapi adalah seorang ahli politik. Apabila dilantik ataupun dipelawa untuk menjadi *shareholder* dalam syarikat ini, adakah Datuk Seri merasakan yang mereka akan menggunakan nama Datuk Seri sebagai ahli *politician* untuk terlibat dalam projek-projek kerajaan?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Dia lagi hebat daripada sayalah, *please*. Saya tidak tahu tetapi saya cakap— Tetapi saya ingin tahu Tuan Pengerusi. Hari ini minta saya datang, bincang tentang RCVEP atau bincang hal peribadi saya? Saya hendak tahu.

**Tuan Pengerusi:** Sebab kita khuatir adanya wujud, *I mean* itu tadi saya— Sebab kita ada TOR kita iaitu *Terms of Reference* dan daripada itu, bila waktu ketika itu Datuk Seri adalah *Member of Parliament* dan bila *Member of Parliament*...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Maknanya, Ahli Parlimen dulu semua tidak pernah campur dalam urusan perniagaan masa itu?

**Tuan Pengerusi:** Bukan.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *So?*

■1450

**Tuan Pengerusi:** Maksud kita, khuatir ada *conflict of interest*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Oh!

**Tuan Pengerusi:** Itu sahaja ya. Oleh sebab itu kita buat prosiding, ini bukannya yang...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya faham, saya faham. Akan tetapi itu satu andaian yang sangat buruk terhadap saya sebab kalau ikut— lihat semua Ahli Parlimen, adakah Ahli Parlimen yang tidak semua berniaga, sama juga ada yang melibatkan diri dalam perniagaan. *Why you* buat andaian terhadap saya? Ada salah sangka.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Wong Kah Woh:** *You have to understand, we are here to find our facts.*

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *Understand*, kalau tidak saya tidak mahu datang.

**Tuan Wong Kah Woh:** *We are here to find our facts.* Okey, sama ada Datuk Seri hendak datang atau tidak datang...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *That is why I* tanya...

**Tuan Wong Kah Woh:** Apabila Datuk Seri ada di sini, *so*, cubalah jawab soalan daripada panel.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *I* bagi kerjasama, *if not I...*

**Tuan Wong Kah Woh:** *So, it is very simple, okay? So*, kita akan tanya secara amat *detail* berkenaan dengan semua perkara. Jika Datuk Seri tidak bersedia pada hari ini, kita boleh bagi satu tarikh lagi untuk Datuk Seri datang.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *No. Sorry, sorry.*

**Tuan Wong Kah Woh:** Okey?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *On, on.*



**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih Dato' Pengerusi. Kalau boleh saya tanyakan ya. Saya agak tertarik, saya masuk PAC selepas perkara ini sudah disiasat. Antara isu utama kenapa kita fokus kepada projek ini berbanding dengan lain, kerana ia memberi kesan kepada pengguna di jalan raya, dari segi keabsahan dan *the efficiency of usage for* RFID.

Kita mendapat maklumat pada tahun 2015, semasa permohonan dikemukakan kepada Perdana Menteri ia diberikan menerusi rundingan terus. Jadi, kalau kita tengok SOP itu banyak projek-projek lain bukan sahaja tidak kontroversial dari segi pelaksanaannya, tetapi diberikan menerusi tender terbuka.

Jadi persoalan saya, Yang Berhormat— maaf, Datuk Seri memang sebahagian daripada *shareholder* ketika itu, ada atau tidak dipinta oleh mereka lain yang aktif termasuk Kenneth Tan untuk mendapatkan temu janji dengan pihak kementerian mahupun pihak Perdana Menteri untuk memperkenalkan...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Tidak, biar saya habiskan. Memperkenalkan latar belakang syarikat ini dan kebolehan mereka? Itu persoalan. Terima kasih.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada, tidak ada. Saya sudah cakap, saya tidak ada. Saya dahulu selalu ke kementerian. Satu, untuk *my party matter*. Kedua, untuk membantu saya selesai masalah kawasan saya, kewarganegaraan, nelayan, sekolah, termasuk pekerja asing ketika itu saya jadi *Chairman MTC*, selepas jadi *Chairman Port Labuan*. Semua perlu ada kaitan untuk diminta bantu supaya dapat selesaikan masalah daripada kerajaan.

Jadi, yang paling berkesan saya pergi jumpa presiden saya, bawa ke Kabinet kah atau ke manakah, itu sahaja yang dapat saya lakukan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Jadi, tidak pernah sekali pun terlibat ataupun dijemput...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya tidak pernah.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** ...Dalam sebarang pertemuan ya?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak pernah.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Baik, terima kasih.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak pernah.

**Tuan Wong Chen:** Ya Datuk Seri, baik. Kita cakap sedikit tentang isu dengan Kenneth Tan. Datuk Seri sudah kenal dia 10 tahun, berapakah syarikat yang Datuk Seri pernah menjadi pemegang saham, sama ada aktif atau tidak di dalam syarikat-syarikat Kenneth Tan?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada, tidak pernah.

**Tuan Wong Chen:** Ini kali pertamalah?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Ya, ya.



**Tuan Wong Chen:** Okey.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *This is the first time.*

**Tuan Pengerusi:** Siapa yang kenal? *I am just wondering*, siapa yang memperkenalkan Kenneth Tan ini dengan Datuk Seri?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Siapa yang kenalkan kepada saya?

**Tuan Pengerusi:** Ya. Atau melalui proses kementerianlah...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Semasa dalam kementerian, ramai belia datang...

**Tuan Pengerusi:** KBS lah waktu itu?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** KBS semasa itu. Sini, sana seingat saya semua kenal lah. Kalau seorang per seorang saya tidak tahu tetapi memang kenal lama lah, pernah bincang...

**Tuan Pengerusi:** Okey. Ada lagi satu, dalam *board* itu ada *one lady*. Itu apa dia punya...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *One lady?*

**Tuan Wong Kah Woh:** Junailiza.

**Tuan Pengerusi:** Bukan, satu lagi. Ini yang baharu punya. Tidak apalah, nanti saya tanya kemudian.

**Tuan Wong Kah Woh:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Siapa ya nama *that lady* itu?

**Seorang Ahli:** Lau Poy...

**Tuan Pengerusi:** Penny *kut*. Penny Lau.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Siapa? Saya tidak tahu.

**Tuan Pengerusi:** Okey, tidak apa sebab dia *board*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Dia *board* di dalam syarikat ini. Jadinya Datuk Seri tidak maklumlah siapa dia ya.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya tidak kenal.

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab saya hendak tanya apa *relation* dia dengan Kenneth Tan.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya tidak pernah *meeting* dengan *board*.

**Tuan Pengerusi:** Tidak pernah?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak pernah. So, saya tidak tahu siapa.

**Tuan Wong Chen:** Datuk Seri, bila Datuk Seri bagi balik saham itu? Pada dua bulan selepas pilihan raya, betul?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** Datuk Seri tidak minta langsung apa-apa pembayaran daripada Kenneth Tan?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada, sebab saya sudah katakan syarikat menghadapi masalah krisis bayar gaji kepada pekerja. *So, what for?* Bukan...

**Tuan Wong Chen:** Tidak, dengan projek ini Datuk Seri secara ringkas sahaja, apabila dapat projek RM150 juta, syarikat ini memang ada *value*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya tahu tetapi syarikat ini kalau katakan projek ini berapa juta ini, saya tidak pernah tahu pun. Sekarang saya dengar juta-juta, saya tidak pernah tanya pun.

**Tuan Wong Chen:** Maknanya kalau kita bagi balik, kalau sekurang-kurangnya pun syarikat ini secara penilaiannya mempunyai projek RM150 juta, kurang-kurang pun RM20 juta *value* syarikat ini. *You* bagi balik 25 percent merupakan RM5 juta tahu?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *That is why* saya tahu, saya tidak tahu dalam selok-belok *business*. Semasa jumpa saya minta bagi dana tetapi saya tidak ada, bagilah balik. Itu sahaja. *Why* susah sangat? Itu sahaja, sebab saya *simple* sahaja. Bukan saya tidak mahu wang, hendak. Akan tetapi masa dia minta saya cari dana untuk pekerja, dia kata kalau sumber dana tidak ada syarikat akan berhenti dalam operasi. Projek itu takkan berjalan lagi di situ. Saya kata, saya tidak boleh buat apa. *Please* lah *you* ambil balik. *You* hendak cari orang kah atau tambah mana kah pandai-pandailah. Dia kata kerajaan tidak bayar. *I cannot do anything*. *So*, mana boleh saya buat apa.

**Puan Wong Shu Qi:** *So* Datuk Seri, pada tahun 2015 apabila Datuk Seri dijemput untuk memegang saham sebagai *sleeping partner* dan *invest* dengan RM25,000 untuk dapat 25 peratus saham itu, apa pandangan kamu pada ketika itu untuk *invest* RM25,000? Apa pandangan? Hendak dapat keuntungan balik ataupun hendak bantu kawan atau macam mana?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya bukan bantu. Dalam *business* tidak ada bantu-membantu. *This is a prinsip*. Jadi, saya sudah kata saya tidak pernah *business*. Jadi, masa dia tawar saya okeylah. Kawan dia tawar, saya ambil. Kalau *business* dapat untung, memanglah saya kata *alhamdulillah*. Kalau untung kita dapat untung, kalau tidak ada untung hendak bagi apa? *That is why* mengapa saya pulangkan 25 peratus semasa dia kata carilah dana, syarikat ini pekerja sudah tidak dapat bayaran gaji. Saya tidak boleh hendak buat apa. Saya pulangkan, itu sahaja. Itu *simple* sahaja bagi saya. Orang lain fikir apa, *it's up to you* fikir apa.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Datuk Seri, boleh saya tanya soalan susulan?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Ya, saya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Since* Datuk Seri sebut tadi kan, *you devolve the shares two months after election*. Bilakah Datuk Seri tahu tentang keputusan Kementerian Pengangkutan



melantik syarikat TCSens? Ini kerana memang Datuk Seri sebagai *sleeping shareholder*, *we understand*. Akan tetapi sudah tentu *when do you find out when they were actually appointed?*

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya tidak tahu bila dia di-*appoint*, saya pun tidak tahu. Saya *busy* dengan kerja saya di kawasan pun sudah cukup banyak. Saya tidak *bother* benda-benda macam ini. Cuma harapan saya ialah kalau syarikat dapat untung, dia bagi *benefit* untuk saya, itu sahaja.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Maksudnya sejak 11 Jun 2015...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Pernah saya dalam pertengahan...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Tidak apa, saya habiskan dahulu, *then* Datuk Seri boleh jawab. Pada 11 Jun 2015 sehinggalah dua bulan selepas pilihan raya yang saham telah dijual kembali, tidak pernah sekali pun Datuk Seri dimaklumkan bahawa syarikat TCSens mendapat projek penganugerahan oleh kementerian dan juga Perdana Menteri?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Bukan dia tidak pernah, pernah sekali dia maklum dapat projek dan...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Okey. Tarikh itu bila agak-agak?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak boleh ingat tetapi *that is why* semasa Yang Berhormat kata 2015, pernah juga saya tanya mengapa lama sangat tidak ada dividen pun? Dia cakap kerajaan tidak buat bayaran untuk syarikat. *Then, so the* jawapan kerajaan tidak bayar, saya tidak tahulah mengapa kerajaan tidak bayar.

**Tuan Pengerusi:** Okey Datuk Seri, ini saya hendak maklumkan jugalah. Kalau mengikut maklumat kontrak RCVEP ini, ia ada satu kos kontrak untuk opex RM104.30 juta. Tempoh opex ini ia hanya akan habis 31 Julai 2021. Maknanya kerajaan masih lagi bayar kepada syarikat ini sampai 2021. *Are you aware of this?*

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada, tidak tahu.

**Tuan Pengerusi:** Ia tidak dimaklumkan. Maknanya masih dapat juga sampai 2021.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Dia hanya beritahu, setahu saya dia pernah cerita lima tahun. *I ask him*, lima tahun berapa projek itu? *Five years*.

**Tuan Pengerusi:** Ia memang lima tahun. Cuma ia hanya— ia belum habis lagi tahu? Itu yang apabila jual apabila *you* bukan jual, *you* pulangkan semula saham tersebut, apabila syarikat tersebut menyatakan bahawa— tetapi tidak bayar, ia macam *contradict* sedikit sebab opex tempoh kontrak ia masih ada lagi. Maknanya...

■1500

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *So, this is why* saya katakan, saya jelaskan bahawa masa jumpa saya dia minta saya cari dana untuk syarikat, saya tidak mampu. *So, cara paling simple*



*you* ambil *you* cari orang lain. So, mungkin boleh bantu syarikat. Kalau tidak dia tidak mampu bayar gaji pekerja, *that is all*. Itu pandangan saya, saya senang sahaja. Saya tidak mahu libatkan diri saya dalam kontroversi kah, apakah. Itu pandangan saya sendiri pada ketika itu. [Ketawa]

**Tuan Wong Kah Woh:** Ya, Datuk Seri. Apabila Datuk Seri mula memegang 25 peratus daripada syarikat TCSens ini, berapakah *paid up capital* pada masa ketika itu.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Apa?

**Tuan Wong Kah Woh:** *Paid up capital*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Peringkat yang pertama saya sudah bayar 25..

**Tuan Wong Kah Woh:** Pada masa Datuk Seri masuk syarikat itu, berapakah *paid up capital*...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** RM25,000 lah.

**Tuan Wong Kah Woh:** *No, paid up capital* maksudnya berapa syer.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Apa yang saya tahu, 25 peratus saya bayar RM25,000.

**Tuan Wong Kah Woh:** So, 25 peratus itu bersamaan dengan berapa syer?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya tahu 25 peratus, RM25,000 itu sahaja yang saya tahu.

**Tuan Wong Kah Woh:** Oleh kerana di hadapan saya ada satu...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya tidak dapat jelaskan.

**Tuan Wong Kah Woh:** Okey, tidak apa. Saya hendak jelaskan sedikit. Di hadapan saya ada satu carian SSM bertarikh April 2016 yang mana menunjukkan bahawa *total authorized share* adalah sebanyak lima juta unit dan *total issued share* adalah sebanyak lima juta unit juga dengan *nominal value* 100 sen ataupun satu sen satu syer. So, jumlah dia di sini adalah sebanyak lima juta syer. So, *are you trying to say that* apabila kamu membayar RM25.00 itu adalah untuk 25 peratus daripada lima juta syer ini.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *No, I* kena jelas ini.

**Tuan Wong Kah Woh:** Ya, sila.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Peringkat awal 25 peratus, RM25,000. Dia pernah beritahu saya dia akan naikkan *capital* tetapi saya tidak tahu berapa jumlah itu. Apa yang penting Encik Kenneth bayar bagi pihak saya dahulu. Saya pinjam, makna dia kata saya pinjam untuk dia bayar dahulu. Itu sahaja dia beritahu.

**Tuan Wong Kah Woh:** So, maksudnya apabila terdapat peningkatan dari segi *paid up capital* iaitu *total share* yang telah diisukan, telah dikeluarkan, Datuk Seri tidak ada menambah apa-apa *injection of capital*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada, pinjam. Encik Kenneth, tauke bayar dahulu.

**Tuan Wong Kah Woh:** So, Encik Kenneth akan bayar dahulu dan itu merupakan satu hutang Datuk Seri kepada Encik Kenneth.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Yes, kepada syarikat atau Encik Kenneth lah.

**Tuan Wong Kah Woh:** So, harganya berapa pada masa itu, hutang itu.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Hutang?

**Tuan Wong Kah Woh:** Ya.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya hanya bayar 25 peratus, RM25,000 sahaja.

**Tuan Wong Kah Woh:** *So when you said that, when there is increase in capital, Kenneth never ask you for any money and it's deemed that you...*

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *It's not me asking, he's asking.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *He is asking?*

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Dia cakap dia hendak naik *capital*, jadi saya cakap saya tidak mampu. Jadi dia akan bayar bagi pihak saya dahulu, pinjam saya dahulu tetapi dia tidak cakap berapa jumlah.

**Tuan Wong Kah Woh:** Akan tetapi sepanjang masa ini yang dikatakan sebagai 'pinjaman' itu ada tidak mana-mana, pada bila-bila masa Datuk Seri bayar balik kepada dia.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada.

**Tuan Wong Kah Woh:** Tidak ada langsung?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada langsung.

**Tuan Wong Kah Woh:** Terima kasih.

**Tuan Wong Chen:** Baik Datuk Seri, memandangkan sekarang...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada maksud saya tidak perlu bayar tahu, saya perlu bayar.

**Tuan Wong Chen:** Okey, Datuk Seri. Memandangkan sekarang Datuk Seri sudah tengok *the full picture*, bahawa syarikat ini memang RM150 juta ada kontrak dia, dia mesti ada *value*. *Do you feel cheated or not about your partner? Let me ask you a simple question.*

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya sudah cakap saya *simple*. Saya masa kita bekerjasama *in business*, saya sudah katakan saya 25 peratus. Kalau syarikat untung, dia bagilah *benefit because* kita *based on* percaya *each other*. *He's a very long-term friend*. Dia cuma bagi peluang untuk ambil bahagian dalam syer sahaja tetapi tidak ada urusan dalam pentadbiran ataupun perbincangan. Keputusan syarikat itu bukan masalah saya.

Saya tahu, itu yang saya tahu. Jadi saya tidak tahu apa *value* itu. Saya bukan *business person* dan saya tidak tahu.



**Tuan Wong Chen:** Ya, Datuk Seri, *I know*. Datuk Seri, projek ini belum *cancel* lagi. Ia berterusan dan walaupun dia ada *cashflow problem* sebab kerajaan tidak bayar dia *on time*, itu *issue allegation*-lah, *we're not sure yet*. *This company has a lot of value* tahu.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya tahu.

**Tuan Wong Chen:** *You* tahu, *that's why I feel a bit sorry for you*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Kalau sebelum itu PAC panggil itu *value*, saya tidak mahu bagi dia balik. *[Ketawa]*

**Tuan Wong Chen:** *[Ketawa]*

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya boleh tahu, ada *value* banyak sangat itu.

**Tuan Wong Chen:** Oleh sebab itu kita rasa susah hendak percaya apa yang dikatakan sebagai testimoni.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Itu andaian *you*-lah tetapi tidak ada, tidak adalah. *You* ada hak tanya, saya ada hak jawab.

**Tuan Wong Chen:** Ya, betul.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada, tidak ada. Jangan buat andaian yang politik punya isu macam itu.

**Tuan Wong Chen:** Bukan, bukan. Ini bukan isu politik. Isunya adalah...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya tidak berjaya. Tidak ada, tidak ada sebab saya *very sincere*. Tidak ada, tidak ada.

**Tuan Wong Chen:** Tidak, 25 peratus syer Datuk Seri *is worth a lot of money*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *I know that is why I* kata...

**Tuan Wong Chen:** *Why did you giving back for nothing? That is why we cannot understand*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *That is why, I* sudah beritahu. Dia minta wang saya, saya tidak ada. Saya kata tidak apalah *you* ambil sahaja, saya tidak mampu buat apa pun.

**Tuan Wong Chen:** Bila syarikat tidak ada duit, dia pinjam daripada bank *that one*...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *I don't know, I don't know*.

**Tuan Wong Chen:** *You know*-lah *it's normal*. So, *it is not that they forced you to sell your shares or transfer your shares for free*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *I think I* sendiri tawarkan saya tidak mampu *you* ambil balik. *That is all*. *It's not* syarikat kata itu tidak ada, saya kata saya sudah tidak mampu bagi permintaan ini, jadi *you* ambil balik *and now no need to talk much, why you want to talk much*. Saya tidak mampu.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Datuk Seri, soalan saya tidak melambangkan Datuk Seri bersalah atau tidak bersalah. Saya hendak tanya adakah syarikat TCSens ini ataupun Encik Kenneth Tan ini ada membuat projek-projek CSR dalam kawasan Parlimen Datuk Seri tempoh hari ataupun pada parti dan sebagainya.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** CSR tidak ada.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Tidak ada.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada.

**Puan Wong Shu Qi:** Okey, Datuk Seri, soalan saya berbalik kepada tahun 2014 lagilah juga. Dari segi Datuk Seri memang *business* bukan hendak bantu-membantu tetapi dari segi Datuk Seri kenapa Encik Kenneth Tan berminat untuk menawarkan peluang ini bagi Datuk Seri mengambil bahagian dalam *business* ini, dalam syarikat ini.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Okey. *Actually*, dia beritahu saya begini. Syarikat sudah buat pelbagai *business* IT. Mungkin kalau mampu dia dapat kerajaan kah manakah saya tidak tahu, mana-mana dia boleh dapat. Akan tetapi ada *one point* dia beritahu saya, "*I'll offer you because kalau mampu, insya-Allah you mampu, you memperkenalkan korporat daripada One Belt, One Road punya projek*".

Dia minta kenalkan *this* korporat-korporat kalau ada *business matching*-kah, *sometime* kalau *arrange dinner* kah, untuk mereka boleh ada peluang untuk dapatkan peluang-peluang perniagaan terutamanya daripada One Belt, One Road pada ketika itu.

**Tuan Wong Hon Wai:** *Follow up question* Datuk Seri, so berapa *dinner* ataupun...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak boleh ingatlah *because* saya *simple-simple* sahaja.

**Tuan Wong Hon Wai:** ...Datuk Seri *arrange One Belt One Road* punya.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Siapa datang sebab kita kawan pun ramai. Siapa datang, *how can specific* siapa datang kena *you* hendak makan, makan. Kita aturkan makan-makan, itu sahaja. Bukan kita boleh kata— sebab saya tidak ada peranan. Saya tidak ada peranan tanggungjawab untuk jalankan tugas untuk syarikat tetapi sebagai *shareholder* dia minta saya kalau ada projek-projek sedemikian boleh kenalkan supaya mereka boleh ambil bahagian kah, pandai-pandai merekalah. Kalau jadi, jadi. Tidak jadi...

**Tuan Wong Hon Wai:** Datuk Seri bukan *sleeping partner*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Bukan, maksud saya...

**Tuan Wong Hon Wai:** Bukan *sleeping shareholder, active shareholder*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *No, no, no. I* sudah beritahu...

**Tuan Wong Hon Wai:** Banyak *dinner* sudah pun dirancang.



**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** I sudah beritahu projek itu bukan sebab *VIP* atau tidak *VIP*. Saya kenalkan sahaja dan mereka jalankan. Saya tidak ambil bahagian untuk perbincangan, buat keputusan untuk urusan dalam syarikat. Jangan *detail* sampai hendak salah sangka terhadap saya. Tidak ada, tidak adalah.

**Tuan Wong Hon Wai:** Datuk Seri bukan *sleeping shareholder*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Itu anggapan daripada *you* tetapi tidak ada.

**Tuan Wong Hon Wai:** *Sleeping* maksudnya *totally* tidur tetapi sekarang Datuk Seri...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada, tidak ada.

**Tuan Wong Hon Wai:** ...Mengatakan bahawa mengaturkan *dinner-dinner*. Sekarang *you* memang bukan *sleeping shareholder*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *You taught that day I cannot do anything but I do know this business*— Kalau *you business* sesuai itu saya tidak tahulah tetapi saya tidak campur dalam urusan syarikat, saya tidak ada dalam perbincangan *business* saya tidak pernah campur sekalipun. Kalau *you* sebagai Ahli Parlimen *even you* kenalkan orang datang, kenalkan itu pun *you* kata aktif, *you* pun aktif juga.

*Please*, saya tidak ambil bahagian dalam buat keputusan syarikat. Saya tidak ada perbincangan pun, saya tidak ada mesyuarat pun. Saya tidak ada buat apa sekalipun. Apa yang dimaksudkan dengan aktif? Aktif maknanya saya kena ambil— bincang mesyuarat dengan syarikat, bawa syarikat bincang dengan mereka. Saya tidak ada itu, saya tidak buat.

**Tuan Wong Hon Wai:** Datuk Seri, syarikat ini telah mendapat satu projek daripada kerajaan melalui rundingan terus.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *That one* saya pun tidak tahu mengapa dia itu, itu pun saya tidak faham.

#### ■1510

**Tuan Wong Hon Wai:** Melalui rundingan terus dan Datuk Seri punya nama atas nama *shareholder*. Bagaimana kita dapat membuat *conclusion* bahawa Datuk Seri seorang *sleeping shareholder* sedangkan bahawa ...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya tidak pernah melibatkan diri dalam mesyuarat, buat keputusan, bincang dengan pegawai kerajaan. Saya *shareholder* pun ada masalahkah? *Even now backbencher* semua boleh buat syarikat dan semua *shareholder*, apa salahnya?

**Tuan Wong Hon Wai:** Itu bahawa Datuk Seri ...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Jadi sekarang, projek yang dapat, bukan saya yang dapat.

**Tuan Wong Hon Wai:** Saya setuju Datuk Seri sebagai seorang *shareholder* tetapi bukan seorang *sleeping shareholder*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Itu anggapan daripada Yang Berhormat sendiri. Jangan tuduh atas terhadap saya sendiri. Saya sudah kata tidak ada.

**Tuan Wong Chen:** Okey baik Datuk Seri, walaupun kita berkenalan, *last term you were Member of Parliament together but we actually do not know much about your background*. Jadi kalau Datuk Seri boleh, cerita sedikit tentang macam mana Datuk Seri masuk politik, ada *degree* dalam *something or I do not know*. *Can you just give us a little bit of your experience and background* sebelum jadi Ahli Parlimen?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Sebelum saya jadi Ahli Parlimen, saya setiausaha sulit kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri pada kali pertama, Tan Sri Ong Ka Ting. Selepas itu, saya jadi setiausaha politik kepada Tan Sri Ong Ka Ting. Selepas itu saya bertanding sebagai ADUN satu penggal. *Then* Parlimen, jadi Timbalan Menteri Belia dan Sukan.

**Tuan Wong Chen:** Datuk Seri ada *degree in anything*?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya *Degree in Business Management* tetapi ahli politik dan tidak tahu apa benda itu *business*. Selepas itu, Ahli Parlimen dengan Tuan Pengerusilah, kita dapat *Master of Public Management* dan baru-baru ini saya dapat PhD dalam *Public Management* juga. *[Disampuk]* Ya, dengan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** PhD sama, *Master* lain.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** *Master* lain. *That's all*, itu sahaja dan sepenuh masa dalam politik, berjuang untuk rakyat. Selain daripada itu, tidak ada.

**Puan Wong Shu Qi:** Datuk Seri, justeru kalau ikut apa yang dikata oleh Datuk Seri tadi, Encik Kenneth Tan itu cuma tukar 25 peratus saham syarikat dia untuk dapatkan peluang kalau adalah untuk jumpa *corporate-corporate* besar yang terlibat dalam *One Belt, One Road project* sahaja? 25 peratus saham untuk tukar dengan peluang ada kemungkinan jumpa *corporate* besar.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Itu andaian. Saya sudah katakan, kami adalah kawan rapat. *So when they give this one*, sama-sama memperjuangkan masa depan sahaja. Jadi secara ikhlas, dia bagi saya, saya bukan *free* dapat *share* itu, saya bayar. Pada ketika itu, memang *One Belt, One Road* begitu *hot* sekali. So kalau sebagai kawan pun dia minta, *"Hey, you are MP dengan kawan ramai sangat, mintalah kenalkan sikit"*. Itu pun kalau hendak anggap sebagai dalam satu *business* sedemikian, itu lain. Kalau saya kata, saya ada tanggungjawab, sebagai *company* bagi tanggungjawab 25 peratus untuk jalankan tugas sedemikian, itu lain. Akan tetapi masa ini, saudara-mara semua datang. *"Kalau ada, bagilah peluang. Kawan-kawan datang, kenalkanlah"*. Itu pun masalah? Saya ikhlas, saya boleh kata saya tidak ada. Jadi saya ikhlas beritahu, adalah kalau begini saya boleh buatlah sesuatu untuk bantu, itu sahaja.



**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Okey Datuk Seri, maksudnya, dari segi pengenalan, contohnya kepada jaringan *network* yang Datuk Seri kenal, antaranya siapa?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya tidak tahu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Tidak ada termasuk...

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Itu *you see sometimes, all the time* ada orang *organize*, ramai orang datang. *Sometime* kita pun tidak kenal, ambil kad, okey *you* mungkin boleh kenalkan. Bincanglah, *business matching* kah, bukan ada yang spesifik orang tertentu, syarikat tertentu kita bawa, kita kena buat kerja, tidak ada.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Baik. Saya hendak tanya kerana Datuk Seri maklum sejarah dalam politik ini begitu panjang. Bukan calang-calang orang dapat jadi setiausaha bagi Tan Sri Ong Ka Ting yang dipilih, sebahagian daripada pimpinan MCA itu, jawatan yang besar. Jadi sudah tentu dengan sejarah pengalaman yang begitu mendalam, ada bagi contoh *you know* sama ada kalau bukan daripada dunia politik, adakah dunia perniagaan. Sedikit spesifiklah supaya kami dapat faham konteksnya kerana sekarang Datuk Seri sebut, tidak ada pertemuan yang melibatkan Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Pengangkutan tetapi mungkin pertemuan lain untuk membuahkan hasil yang lebih dinamik dalam dunia perniagaan.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada. Saya pada ketika itu kritikallah. Kita perjuangkan untuk kawasan dan tidak ada masa sudah. Jangan cakap ke manalah. Kita orang kecil sahaja, macam Yang Berhormat semua kaya-raya, saya tidak ada. Saya tidak ada.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Tolong tarik balik Yang Berhormat Datuk Seri.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya tarik balik, saya tarik balik.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Kalau tidak memberi provokasi, kalau Datuk Seri hendak jawab, tidak mahu kami guna pakai provokasi politik, jadi saya rasa kita *stick to the answer*. Kita tanya ini secara profesional.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Saya sudah kata, saya tidak ada, itu sahaja. Jadi saya lebih fokus kepada politik dan tidak fokus kepada *business*. *That's all*.

**Tuan Wong Kah Woh:** Datuk Seri, dua soalan daripada saya. Pertama, berkenaan dengan RM25,000 untuk 25 peratus syer itu. Apakah pendapat Datuk Seri pada ketika itu sama ada RM25 sebagai *consideration* kita panggil atau balasan itu untuk pembelian 25 peratus syer itu adalah merupakan harga saham syarikat tersebut pada *market value* ataupun tidak? Itu pertama.

Kedua, setahu Datuk Seri, sama ada syarikat TCSens ini mempunyai apa-apa pengetahuan ataupun *expertise* dalam kerja-kerja yang melibatkan teknologi seperti RFID dan sebagainya dalam isu projek VEP ini.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Kedua itu, kata nilai, memang saya sudah kata saya tidak tahu apa pun dalam apa yang hendak nilai, tidak nilai. Itu yang saya katakan, syarikat beritahu saya dia *expert* dalam IT. Setahu saya, kalau hendak ambil projek kerajaan pun, dia kena melalui pelbagai penilaian, bukan dia boleh ambil sahaja. *That is why* semasa dia beritahu dia hendak ambil projek, *you* kena ada potensilah. *You* kena pergi ambil, ada penilaian yang perlu dilalui, bukan boleh dapat terus dan bukan semestinya boleh dapat sebab ada saingan, banyak syarikat IT juga. Jadi setahu saya dia beritahu, dia ada *background IT*. So saya beritahu okeylah, *you also have. That's all*. Lain saya tidak tahu pun, saya tidak ambil tahu pun.

Yang Berhormat Permatang Pauh, *sorry* lah ya.

**Puan Wong Shu Qi:** Datuk Seri, minta pandangan Datuk Seri, apabila kamu dimaklumkan bahawa TCSens dapat kontrak VEP melalui rundingan terus, apa pandangan Datuk Seri?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Sebenarnya, saya tidak tahu dia dapat secara rundingan terus. Dia tidak beritahu saya pun. Dia tidak beritahu dia dapat rundingan terus. Saya tidak tahu.

**Puan Wong Shu Qi:** Akan tetapi Datuk Seri dimaklumkan bahawa TCSens dapat kontrak tetapi tidak tahu dia sebenarnya melalui rundingan terus?

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Ya, ya, cara apa sebab dia pernah cakap dia hendak minta projek kerajaan. Saya sudah beritahu, *follow the proper procedure* lah sebab kerajaan banyak prosedur kena *follow* mengikut kemampuan, potensi *you* sebab penilaian banyak. Tidak boleh buat apalah. *Just follow* lah mengikut saingan yang perlu dan apa yang ditentukan oleh kerajaan supaya dapat atau tidak dapat kita tidak boleh buat keputusan. Kerajaan sahaja yang akan buat keputusan. *So I know that is all the way* kita buat kerja sahaja. So dia tidak beritahu saya dia dapat rundingan terus, dia dapat projek bila, dia tidak beritahu saya. Saya tahu dia beritahu dia dapat projek dan dia dapat projek okey lah, *alhamdulillah*. Itu sahaja, lain saya tidak tahu.

**Tuan Pengerusi:** Okey, *anymore question that you want to ask?* Okey Yang Berhormat Johor Bahru.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir:** Okey, cuma *out of curiosity*, hendak tahu apabila Mr. Kenneth minta Datuk Seri untuk bantu dari segi dana yang menyebabkan Datuk Seri *pull out* daripada syarikat, berapa sebenarnya? Maksudnya, *we want to know the problem of the syarikat*.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Tidak ada, dia tidak beritahu jumlah. Dia tahu sekarang syarikat memang menghadapi masalah krisis ekonomi untuk bayar gaji. Pinjam pun susah, kerajaan tidak bayar, kalau boleh bantulah dapatkan dana, itu sahaja. Jadi saya *very simple* sebab saya tahu saya tadi katakan yang *paid up capital* saya sudah hutang. Saya pun tidak



mampu bayar lagi. So saya tidak boleh dapat dana daripada mana-mana pun. Saya tahu saya tidak mampu. Jadi saya cadangkan supaya ambil balik *and then* dia boleh buat apa, buatlah sebab saya sendiri tidak mampu, mengapa saya hendak susahkan orang lain. Saya ini *simple*. *For you may be complicated, you* kata *you* hendak *business* boleh untung duit tetapi saya tidak pernah fikir ke tahap itu. Mungkin inilah kekurangan saya.

**Tuan Pengerusi:** Okey semua? Okey terima kasih banyak-banyak Yang Berbahagia Datuk Seri di atas kehadiran pada hari ini di hadapan kami. *Thank you very much* kepada semua. Jadi kita tangguhkan kita punya prosiding.

**Datuk Seri Wee Jeck Seng:** Okey, terima kasih semua.

**Tuan Pengerusi:** Sama-sama.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.20 petang]***